

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan menyenaraikan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Yayasan Wilayah Persekutuan oleh setiap rakan kongsi usahasanya untuk semua projek usahasama dan usahaniaga dan nyatakan jumlah yang masih belum dibayarkan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah syarikat amanah berstatus 'Syarikat Berhad Menurut Jaminan, Tanpa Modal Saham'.

Pecahan jumlah bayaran mengikut **projek pembangunan hartanah** kepada Yayasan Wilayah Persekutuan, dari tarikh pemberimilikan tanah sehingga kini adalah seperti berikut:

<u>Telah dibayar</u>	<u>Belum dibayar</u>
RM 118,368,395	RM 63,133,405

SOALAN NO : 29

Pecahan jumlah bayaran mengikut **projek Sistem Tempat Letak Kereta Bermeter Elektronik Bahu Jalan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**, dari tarikh pemberian kontrak pada tahun 2015 sehingga kini adalah seperti berikut:

	<u>Telah dibayar</u> kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (RM)	<u>Telah dibayar</u> kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (RM)	<u>Belum dibayar</u> kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (RM)
Sehingga Mac 2019	2,371,579.98	335,258.42	335,258.42
2018	8,839,597.88	1,249,137.25	429,451.87
2017	9,985,377.28	1,411,970.40	468,847.38
2016	7,654,774.08	1,013,330.87	840,000.00
Jul 2015 - Dec 2015	1,956,826.60	270,094.37	233,547.79
JUMLAH	30,808,155.82	4,279,791.31	2,307,105.46

Pecahan jumlah bayaran mengikut **projek Pengurusan Pengiklanan Luaran YWP**, dari tarikh pemberian projek pada tahun 2016 sehingga kini adalah seperti berikut:

<u>Telah dibayar</u> kepada Yayasan Wilayah Persekutuan	<u>Belum dibayar</u> kepada Yayasan Wilayah Persekutuan
RM3,774,436.00	RM2,677,966.66